

**KESEJAHTERAAN PEMBANGUNAN
KOMUNITI DALAM KALANGAN
PENDUDUK PROGRAM PERUMAHAN
RAKYAT (PPR), DI SEBERANG PERAI
UTARA, PULAU PINANG**

NOR EMYZURA BINTI AHMAD TAMIZI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**KESEJAHTERAAN PEMBANGUNAN
KOMUNITI DALAM KALANGAN PENDUDUK
PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR), DI
SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG**

oleh

NOR EMYZURA BINTI AHMAD TAMIZI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana**

Jun 2022

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah SWT, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani”

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya memberikan saya peluang dan ruang dalam menyiapkan penulisan ini dan dipermudahkan urusan menimba ilmu di peringkat Ijazah Sarjana. Sesungguhnya, saya tidak terfikir untuk berada di peringkat ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama saya, Dr. Parthiban S. Gopal di atas komitmen dan bimbingan beliau, juga menyuntik semangat dan motivasi berharga buat saya untuk tidak berputus asa dalam menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan juga buat Dr. Maslina binti Muhammad Shaed yang menjadi pendorong dan pemberi tunjuk ajar semasa penulisan dijalankan. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada para pensyarah Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia di atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses tesis ini berlaku. Semoga tunjuk ajar dan didikan ikhlas kalian yang telah dicurahkan kepada saya sepanjang penulisan ini mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah SWT.

Ucapan yang teristimewa saya dedikasikan buat kedua ibu bapa tercinta, Haji Ahmad Tamizi Bin Zakaria dan Hajjah Maazah Binti Idris. Terima kasih kerana sentiasa mengirimkan doa dan kata-kata perangsang untuk saya agar kuat dalam perjuangan ini.

Ingin juga saya rakamkan jutaan terima kasih kepada suami tercinta, Shahilman Bin Md. Saleh dan anak-anak saya, Shafi Elman Idraki Bin Shahilman dan Shadrina Nur Inarah Binti Shahilman kerana telah menjadi tulang belakang saya sepanjang perjalanan dalam sebuah perjuangan menamatkan pengajian Ijazah Sarjana ini. Tanpa mereka saya tiada akan berada di peringkat ini. Juga buat semua adik-beradik saya yang tidak henti-henti memberikan sokongan padu kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Tidak dapat saya balas segala kasih sayang dan kebaikan kalian.

Ucapan terima kasih khas kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah memberikan sepenuh komitmen dan sokongan dalam menyiapkan proses pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik dan sesi temu bual dilakukan.

Alhamdulillah, sesungguhnya tidak dapat saya nyatakan satu persatu nama-nama yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini, hanya Allah yang maha mengetahui. Betapa bersyukur saya dikurniakan dengan insan-insan yang baik sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Semoga Allah SWT memberikan Rahmat-NYA dan memberkati kehidupan kita semua di dunia dan di akhirat.

Harapan saya semoga hasil penulisan penyelidikan mampu menjadi rujukan yang bermanfaat kepada sesiapa sahaja. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah SWT dan yang lemah itu adalah daripada saya.

Yang Ikhlas,

Nor Emyzura binti Ahmad Tamizi

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

September 2021.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI RAJAH.....	xiv
SENARAI GAMBAR.....	xv
SENARAI SINGKATAN.....	xviii
ABSTRAK.....	xix
ABSTRACT.....	xxi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan..... 1
1.2	Latar Belakang Kajian.....6
1.3	Pernyataan Masalah.....16
1.4	Persoalan Kajian.....19
1.5	Objektif Kajian.....20
1.6	Definisi Operasional.....20
1.6.1	Kesejahteraan Komuniti.....21
1.6.2	Pembangunan Komuniti.....22
1.6.3	Kualiti Hidup.....23
1.6.4	Penyertaan Komuniti.....24
1.6.5	Program Perumahan Rakyat (PPR).....26

1.7	Skop Kajian.....	27
1.8	Kepentingan Kajian.....	29
1.9	Organisasi Tesis.....	30
1.10	Kesimpulan.....	33
BAB 2 SOROTAN KARYA		
2.1	Pendahuluan.....	34
2.2	Program Perumahan Rakyat (PPR).....	36
2.2.1	Sejarah PPR.....	40
2.2.2	Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM): PPR.....	43
2.3	Pembangunan Komuniti PPR.....	45
2.3.1	Kesejahteraan Komuniti PPR.....	52
2.3.1 (a)	Kualiti Hidup Komuniti PPR.....	56
2.3.1 (b)	Penyertaan Komuniti PPR.....	59
2.3.1 (c)	Kesejahteraan Pembangunan Komuniti Dari Perspektif Holistik.....	64
2.4	Model Pembangunan Kesejahteraan Komuniti.....	66
2.5	Kajian Lepas: Kesejahteraan Pembangunan Komuniti PPR.....	73
2.5.1	Lompang Kajian.....	77
2.6	Kerangka Konseptual Kajian.....	78
2.7	Kesimpulan.....	81

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan.....	82
3.2	Kaedah Penyelidikan.....	83
3.2.1	Rekabentuk Penyelidikan.....	86
3.2.1 (a)	Penyelidikan Kuantitatif.....	88
3.2.1 (b)	Penyelidikan Kualitatif.....	89
3.2.1 (c)	Justifikasi Kaedah Kajian Dipilih.....	90
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian.....	90
3.3.1	Kaedah Kuantitatif.....	91
3.3.2	Kaedah Kualitatif.....	93
3.3.3	Persoalan Kajian Kualitatif.....	95
3.3.4	Lokasi Kajian.....	95
3.4	Kaedah Pengumpulan Data.....	98
3.4.1	Instrumen Kajian: Kajian Kuantitatif.....	99
3.4.1(a)	Pengumpulan Data Kuantitatif.....	101
3.4.2	Instrumen Kajian: Kajian Kualitatif.....	103
3.4.2.(b)	Pengumpulan Data Kualitatif.....	105
3.4.3	Ujian Rintis.....	107
3.5	Kaedah Data Analisis.....	110
3.5.1	Dapatan Kajian Yang Dijangka.....	112
3.6	Triangulasi Kajian.....	112
3.7	Etika Kajian.....	113
3.8	Kesimpulan.....	114

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan.....	115
4.2	Profil Demografi Responden.....	116
4.3	Analisis Dapatan Kajian Secara Kaedah Kuantitatif.....	123
4.3.1	Faktor Kualiti Hidup Dari Aspek Kemajuan Diri.....	124
4.3.2	Faktor Kualiti Hidup Dari Aspek Gaya Hidup Sihat.....	127
4.3.3	Faktor Kualiti Hidup Dari Aspek Peningkatan Taraf Kehidupan.....	129
4.3.4	Faktor Penyertaan Komuniti Dari Aspek Kesejahteraan Sosial.....	132
4.3.5	Faktor Penyertaan Komuniti Dari Aspek Penglibatan Dalam Komuniti.....	136
4.3.6	Analisis Kesejahteraan Pembangunan Komuniti PPR.....	141
4.3.7	Tahap Skor Perubahan.....	143
4.3.8	Hubungan Kualiti Hidup dan Penyertaan Komuniti Terhadap Kesejahteraan Pembangunan Komuniti.....	145
4.3.9	Analisis Kehadiran Ahli Komuniti Menyertai Program-program Komuniti.....	146
4.3.10	Cadangan Ahli Komuniti Untuk Penambahbaikan Dan Kesejahteraan Dalam Komuniti PPR Di Masa Hadapan.....	151
4.4	Profil Demografi Peserta Temu Bual Dan Informan.....	152

4.4.1	Profil Demografi Peserta Temu Bual Dan Informan.....	153
4.5	Analisis Dapatan Kajian Secara Kaedah Kualitatif.....	163
4.5.1	Soalan Kajian Kualitatif Bagi Faktor Kemajuan Diri.....	164
4.5.2	Soalan Kajian Kualitatif Bagi Faktor Gaya Hidup Sihat.....	173
4.5.3	Soalan Kajian Kualitatif Bagi Faktor Peningkatan Taraf Kehidupan.....	181
4.5.4	Hubungan Faktor Penyertaan Komuniti Terhadap Pembangunan Komuniti Di PPR.....	188
4.5.4 (a)	Soalan Kajian Kualitatif Bagi Faktor Kesejahteraan Sosial.....	188
4.5.4 (b)	Soalan Kajian Kualitatif Bagi Faktor Penglibatan Dalam Komuniti.....	195
4.5.5	Soalan Kajian Kualitatif Kesan Kesejahteraan Terhadap Kulaiti Hidup dan Penyertaan Komuniti	200
4.6	Ringkasan Dapatan Kajian Daripada Kaedah Kuantitatif Dan Kualitatif: TRIANGULASI.....	212
4.7	Kesimpulan.....	216
BAB 5 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN		
5.1	Pendahuluan.....	218
5.2	Perbincangan Deskriptif.....	219
5.3	Objektif Kajian Pertama.....	221
5.4	Objektif Kajian Kedua.....	224
5.5	Kesimpulan.....	231

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

6.1	Pendahuluan.....	233
6.2	Perbincangan.....	233
6.3	Sumbangan Kajian.....	235
6.4	Implikasi Kajian.....	236
6.5	Cadangan Kajian Di Masa Hadapan.....	239
6.6	Kesimpulan.....	240
	RUJUKAN.....	243

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Bilangan Penduduk Mengikut Daerah Di Negeri Pulau Pinang.....9
Jadual 1.2	Senarai Projek Program Perumahan Rakyat (PPR).....14
Jadual 1.3	Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) Tahun 2019.....15
Jadual 1.4	Jadual Jumlah Komuniti PPR Daerah Seberang Perai Utara.....15
Jadual 2.1	Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara (DRN).....38
Jadual 3.1	Ciri-ciri Penyelidikan Kuantitatif & Kualitatif84
Jadual 3.2	Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Ralat Persampelan 5% Dan Aras Kebolehpercayaan 95%.....91
Jadual 3.3	Penentuan Pemilihan Informan (Peserta PPR)94
Jadual 3.4	Senarai Pemilihan Informan (Pemegang Taruh)94
Jadual 3.5	Skor Tahap Jawapan Responden.....101
Jadual 3.6	Penentuan Julat Cronbach's Alpha.....108
Jadual 3.7	Jumlah Responden Kajian Rintis KIR Di PPR (n= 20 KIR)109
Jadual 3.8	Keputusan Hasil Ujian Kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha)109
Jadual 3.9	Guilford's Rule of Thumb (1956)111
Jadual 4.1	Profil Jantina KIR.....117
Jadual 4.2	Profil Bangsa KIR.....117
Jadual 4.3	Profil Status Perkahwinan KIR.....118
Jadual 4.4	Profil Umur KIR.....119
Jadual 4.5	Profil Tahap Pendidikan KIR.....120

Jadual 4.6	Profil Pekerjaan KIR.....	121
Jadual 4.7	Profil Tempoh Menetap KIR di PPR.....	122
Jadual 4.8	Profil Bilangan Isi Rumah KIR.....	122
Jadual 4.9	Profil KIR Yang OKU.....	123
Jadual 4.10	Peratusan Skor Kajian Dan Min Kemajuan Diri.....	125
Jadual 4.11	Peratusan Skor Kajian Dan Min Gaya Hidup Sihat.....	127
Jadual 4.12	Peratusan Skor Kajian Dan Min Peningkatan Taraf Hidup.....	129
Jadual 4.13	Peratusan Skor Kajian Dan Min Kesejahteraan Sosial.....	132
Jadual 4.14	Peratusan Skor Kajian Dan Min Penglibatan Dalam Komuniti.....	136
Jadual 4.15	Analisis Kesejahteraan Pembangunan Responden Di PPR.....	141
Jadual 4.16	Tahap Skor Pembolehubah.....	144
Jadual 4.17	Hubungan Kualiti Hidup dan Penyertaan Komuniti Terhadap Kesejahteraan Pembangunan Komuniti.....	146
Jadual 4.18	Bilangan Penyertaan Responden Di PPR Dalam Program-program Komuniti.....	147
Jadual 4.19	Cadangan Ahli Komuniti Untuk Penambahbaikan Kesejahteraan Dalam Komuniti PPR Di Masa Hadapan.....	151
Jadual 4.20	Maklumat Demografi Peserta Temu Bual Dan Informan.....	153
Jadual 4.21	Senarai Soalan Kajian Sub-Faktor Kemajuan Diri.....	164
Jadual 4.22	Senarai Soalan Kajian Sub-Faktor Gaya Hidup Sihat.....	173
Jadual 4.23	Senarai Soalan Kajian Sub-Faktor Peningkatan Taraf Hidup.....	181
Jadual 4.24	Senarai Soalan Kajian Sub-Faktor Kesejahteraan Sosial.....	188
Jadual 4.25	Senarai Soalan Kajian Sub-Faktor Penglibatan Dalam Komuniti.....	195

Jadual 4.26	Senarai Soalan Kajian Kesan Kesejahteraan Terhadap Kualiti Hidup dan Penyertaan Komuniti PPR.....	200
Jadual 4.27	Dapatan Kajian Secara Keseluruhan Terhadap Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesejahteraan Pembangunan Komuniti Di PPR.....	213

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Transformasi Konsep Pembangunan.....50
Rajah 2.2	Teras Pembangunan Komuniti.....68
Rajah 2.3	Elemen Prinsip Pembangunan Komuniti.....69
Rajah 2.4	Elemen Nilai & Kepercayaan.....70
Rajah 2.5	Elemen Andaian.....71
Rajah 2.6	Elemen Prinsip Amalan Baik.....71
Rajah 2.7	Kerangka Konseptual Kajian.....80
Rajah 4.1	Triangulasi.....212

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1 Peta Kedudukan Daerah Seberang Perai Utara (SPU).....	95

SENARAI CARTA

Halaman

Carta 1.1	Bilangan Penduduk Mengikut Daerah Di Negeri Pulau Pinang (2019).....	9
Carta 4.1	Profil Jantina Dan Bangsa KIR.....	118
Carta 4.2	Ringkasan Maklumat Demografi Peserta Temu Bual Dan Informan.....	155

SENARAI SINGKATAN

PPR	Program Permahan Rakyat
KPKT	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
LPPKN	Lembaga Perumahan Kerjaan Negeri Pulau Pinang
SUKPP	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
DRN	Dasar Perumahan Negara
DRMM	Dasar Rumah Mampu Milik
PDT	Pejabat Daerah Dan Tanah
SPU	Seberang Perai Utara
SPT	Seberang Perai Tengah
SPS	Seberang Perai Selatan
DTL	Daerah Timur Laut
DBD	Daerah Barat Daya
RSKN	Rumah Sewa Kerajaan Negeri
KRT	Kesatuan Rukun Tetangga
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung
KIR	Ketua Isi Rumah

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 2.1 Ringkasan Sorotan Karya

Lampiran 3.1 Senarai Soalan Pendekatan Kualitatif

Lampiran 3.2 Kelulusan Etika Kajian

**KESEJAHTERAAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DALAM KALANGAN
PENDUDUK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI SEBERANG
PERAI UTARA, PULAU PINANG**

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji kesejahteraan pembangunan komuniti dalam kalangan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR), di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Kajian ini timbul apabila terdapat kelompangan terhadap ketidaksejahteraan dan ketidakseimbangan pembangunan komuniti di PPR. Oleh itu, Program PPR merupakan satu dasar Kerajaan dalam menyeimbangi keperluan asas tempat tinggal kepada rakyat yang tergolong dalam kategori B40 untuk memelihara hak kemanusiaan rakyat Malaysia agar menjalani kelangsungan kehidupan yang sejahtera. PPR sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk diberi fokus terhadap keberkesanan tahap kesejahteraan PPR. PPR juga menitik beratkan elemen kualiti hidup, penyertaan komuniti dan kesejahteraan sosial kepada penghuninya. Namun, wujudnya permasalahan apabila mengaitkan isu kesejahteraan pembangunan komuniti PPR, antaranya ialah ketidakcapaian kesejahteraan tersebut. Objektif kajian adalah bagi mengkaji hubungan dan kesan faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti terhadap kesejahteraan pembangunan komuniti di PPR. Kajian menggunakan kaedah gabungan (*mixed method*) berdasarkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan data primer dan data sekunder. Kajian ini menggunakan sampel 200 orang responden untuk kaedah kuantitatif bagi edaran borang

soal selidik melalui teknik persampelan rawak. Manakala, untuk kaedah kualitatif pula, data yang diperolehi pula dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (melalui pendekatan domain dan semantik) terhadap 12 orang peserta temu bual dan 4 orang informan yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Oleh itu, dalam kajian ini faktor kesejahteraan bukan sahaja difokus dari sudut pembangunan material (ekonomi) sesebuah negara malah aspek kemanusiaan dititikberatkan agar ianya perlu bergerak serentak secara pembangunan holistik. Dalam kajian ini dua pembolehubah iaitu faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti telah digunakan untuk memantapkan kesejahteraan hidup di kalangan komuniti PPR. Skop kajian ini tertumpu kepada komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) di Daerah Seberang Perai Utara, Negeri Pulau Pinang. Hasil kajian ini yang merungkai kesan kualiti hidup dan penyertaan komuniti terhadap kesejahteraan pembangunan di kalangan komuniti PPR. Kajian ini memberi implikasi terhadap gerak kerja mendaya upaya komuniti yang sejahtera dan melahirkan generasi yang mampan. Manakala cabaran yang dialami dalam kajian ini adalah kesedaran dalam memperkukuhkan sahsiah, budaya dan keprihatinan terhadap semangat kejiranan.

**WELL -BEING COMMUNITY DEVELOPMENT AMONG PEOPLE HOUSING
PROGRAMME (PPR) IN SEBERANG PERAI UTARA DISTRICT,
PULAU PINANG**

ABSTRACT

This thesis aims to study the well -being of community development among People's Housing Program (PPR) in North Seberang Perai, Pulau Pinang. This study arises when there is a gap in the inequality and imbalance of community development in PPR. Therefore, the PPR Program is a government policy in balancing the basic housing needs of the people who belong to the B40 category to preserve the human rights of Malaysians to live a prosperous life. PPR as a Key Performance Indicator (KPI) by the Ministry of Housing and Local Government (KPKT) to focus on the effectiveness of the well -being of PPR. PPR also emphasizes the elements of quality of life, community participation and social well -being to its residents. However, there are problems when linking the issue of well -being of PPR community development, among them is the lack of well -being. The objective of the study was to examine the relationship and impact of quality-of-life factors and community participation on the well -being of community development in PPR. The study uses a mixed method approach based on quantitative and qualitative research method. The results of the study were analyzed using primary data and secondary data. This study uses a sample of 200 respondents for the quantitative method questionnaires random sampling technique. Meanwhile, for the qualitative method, the data obtained were analyzed using content analysis method (through domain and semantic approach) on 12 interview participants and 4 informants selected through purposive sampling technique

In this research, the well-being factor is not only focused on terms of material (economic) development of a country but also the humanitarian aspect is emphasized so that it needs to move simultaneously holistically. In this study, two variables, namely quality of life factors and community participation were used to enhance the well-being of life among the PPR community. The scope of this study focuses on the People's Housing Program (PPR) community in Seberang Perai Utara District, Penang. The findings of this study that dissect the impact of quality of life and community participation on the well-being of development among the PPR community. While this study has implications for empowering a prosperous community and producing a sustainable generation, the challenge experienced in this study is awareness in strengthening the personality, culture, and concern for the spirit of neighborhood.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Realiti pada hari ini, antara isu utama dalam konteks pembangunan komuniti adalah kesejahteraan. Kesejahteraan merupakan elemen penting yang harus disemai dan dipupuk oleh setiap individu dalam komuniti dan seterusnya rakyat dalam sesebuah negara. Menurut Roslan & Siti Aishah (2015), apabila tahap kesejahteraan mencapai kestabilan, usaha ke arah melahirkan komuniti yang sejahtera dapat dicapai. Lantaran itu, Malaysia telah mengamalkan perancangan yang berperingkat bermula sejak akhir Tahun 1960-an dengan konsep pembangunan pertumbuhan ekonomi sehinggalah ke Tahun 1990-an, konsep ini diperluaskan dengan pembangunan lestari serta pembangunan secara holistik dan seimbang melalui “pembangunan manusia” (Haq, 1995; Robert V. Kail & John C. Cavanaugh, 2018).

Sehubungan dengan itu, sekitar tahun 1990-an, pembangunan manusia telah dikaji oleh Mahbub ul-Haq (1995) yang merupakan seorang pakar dalam bidang ekonomi dari Negara Pakistan. Beliau telah mengupas konsep tersebut dan memfokuskan hal-hal terperinci tentang pembangunan manusia yang mana sebelum ini ianya hanya tertumpu kepada faktor ekonomi yang berlandaskan pendapatan per kapita digunakan sebagai petunjuk utama (*key performance indicator*) (Abdul Rahman Embong, 2004). Kini,

setelah Malaysia mencapai kemerdekaan dan ianya dapat dilihat melalui sektor pembangunan yang membangun dengan pesat seperti “cendawan yang tumbuh selepas hujan”. Kejayaan ini telah dibuktikan dengan kemajuan fizikal (pembangunan) yang telah dicapai sehingga terkenal di persada dunia. Oleh yang demikian, faktor ini hanya menumpukan kepada satu (1) dimensi sahaja. Apabila dibincangkan secara holistik, ianya masih tidak cukup untuk mengukur tahap kesejahteraan dalam pembangunan sesebuah komuniti (Kualiti Hidup Malaysia 1999, 1999). Walau bagaimanapun, petunjuk yang merangkumi dimensi pembangunan lain juga perlu diambil kira untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai pembangunan fizikal dan pembangunan manusia. Menurut Alkire dan Foster (2007), ‘*Multidimensional Poverty Index*’ (MPI) adalah lebih menyeluruh dalam mempertimbangkan tahap kesejahteraan menerusi pelbagai dimensi yang mengandungi elemen-elemen seperti aspek perumahan, tahap pendidikan, sosial dan budaya, hubungan dan komunikasi, alam sekitar, hubungan kekeluargaan, tadbir urus yang baik, kesihatan, pendapatan dan pengagihan, tahap keselamatan awam, penyertaan dan hubungan sosial, pengangkutan dan persekitaran kerja. Sehubungan itu, keseluruhan tahap kesejahteraan rakyat Malaysia telah ada peningkatan daripada kadar 0.3 peratus kepada 0.8 peratus dalam tempoh 2000-2012 (Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013). Laporan Pembangunan Manusia 2013 (2014) juga menyokong hujah agar Malaysia seharusnya menggunakan pendekatan multidimensi dalam menggambarkan kesejahteraan (*well being*) sesebuah masyarakat. Oleh itu, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) telah mencatatkan peningkatan pada kadar 0.8 peratus (0.8%) kepada 122.4 peratus (122.4%) mata indeks bagi Tahun 2018. IKRM juga telah dijadikan sebagai satu petanda aras yang penting dalam menggubal sebuah dasar dan perancangan program

untuk mencapai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi yang inklusif serta mampan. Justeru, pembangunan manusia yang berasaskan kesejahteraan komuniti negara Malaysia telah diberi penumpuan secara holistik melalui Rancangan Malaysia RMKe-10 (2010-2015) dan RMKe-11 (2016-2020).¹ RMKe-11 secara umumnya memberikan tumpuan yang menyeimbangi di antara pembangunan ekonomi (fizikal) dan pembangunan berteraskan rakyat (kemanusiaan) bagi mencapai pembangunan holistik. Ini juga secara langsungnya menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam memenuhi aspirasi dan harapan rakyat di negara ini.

Secara fitrahnya, pembangunan manusia dilihat sebagai pembangunan individu sepanjang hayat iaitu daripada peringkat janin hingga proses penuaan yang memfokuskan terhadap perkembangan kanak-kanak, remaja, keluarga dan orang tua (Haris Abd. Wahab, 2015). Setiap tahap perkembangan tersebut, peranan dan tanggungjawab yang dibawa sangat penting untuk membentuk kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti. Kini, antara isu yang memberi kesan kepada kesejahteraan tersebut adalah isu yang berkaitan dengan kualiti hidup dan penyertaan komuniti. Ianya dilihat sebagai satu kombinasi yang saling melengkapi bagi mewujudkan kesejahteraan pembangunan komuniti. Seterusnya, mengikut Roslan dan Siti Aishah (2015) lagi, pastinya teras utama ke arah melahirkan komuniti yang sejahtera adalah melalui penjanaaan individu yang berasaskan nilai-nilai

¹ Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, merupakan rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991 menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek, iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya menjelang tahun 2020. Susulan daripada pencapaian pembangunan yang cemerlang dalam tempoh separuh dekad yang lalu, RMKe-11 mengukuhkan lagi komitmen Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. RMKe-11 berteraskan prinsip “Bangsa Malaysia” yang progresif dan bersatu serta berkongsi cita-cita dan komitmen yang sama dalam meningkatkan lagi kemakmuran negara untuk rakyat.

murni dan pembangunan modal insan. Nilai-nilai murni adalah berteraskan nilai-nilai mulia dalam ajaran agama dan ianya akan membangunkan peradaban dalam aspek kehidupan. Manakala pembangunan modal insan dilihat sebagai potensi insan seperti akal, hati (rohani) dan fizikal (jasmani) yang dijadikan sumber kekuatan utama dalam pengurusan diri dan sistem yang baik. Dengan berpaksikan asas-asas tersebut, maka akan melahirkan komuniti yang memiliki tahap kesejahteraan yang positif. Seterusnya, akan melahirkan sebuah situasi pembangunan komuniti yang adanya elemen keamanan dan kebahagiaan yang berpanjangan serta berkekalan kesejahteraannya.

Kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti merupakan satu terma yang amat popular di kalangan para penyelidik yang berorientasikan keseimbangan ekonomi, sosial, politik dan *humanity* (kemanusiaan) (Abdul Samad Hadi et al., 2012). Dari satu generasi ke satu generasi, para penyelidik tidak berhenti menelusuri kajian ini kerana ianya dilihat sebagai satu kajian yang holistik dan eksklusif (Azizan Bahari, 2010). Kajian ini akan terus diteroka kerana ianya tidak bersifat statik (kekal), bahkan semakin berkembang dengan pendekatan yang berbeza-beza (Midgley, 1995). Oleh itu, ianya akan menyerlahkan kesejahteraan dalam setiap lapangan kehidupan individu, masyarakat dan rakyat di negara ini. Pastinya pelbagai cabaran semasa dalam melestarikan impian kesejahteraan dalam pembangunan komuniti, namun ianya dapat diselesaikan oleh matlamat dan objektif pembangunan manusia yang bersifat menyeluruh di mana akhirnya akan mampu melahirkan kesejahteraan komuniti secara sihat dan bersih (Haris Abd. Wahab, 2015). Oleh yang demikian, bidang kajian ini menumpukan pemahaman yang

mendalam untuk mendapatkan maklumat mengenai faktor-faktor kesejahteraan pembangunan di dalam komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR)².

Ini adalah bagi menambahbaik tahap kesejahteraan komuniti PPR yang meliputi dua (2) pemboleh ubah utama iaitu kualiti hidup dan penyertaan komuniti. Pemboleh-ubah ini berkait langsung dalam melestarikan hubungan di antara pembangunan manusia dan kesejahteraan komuniti (Adriaansens, 1994; Fraser and Gordon, 1994; Midgley, 1995). Seterusnya, peningkatan aspek kesejahteraan hidup yang merupakan salah satu bidang yang terkandung daripada enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)³, Azizah et al. (2013) menyatakan bahawa telah menjadi satu agenda utama di dalam pembentukan pembangunan negara setelah ianya dilancarkan pada 20 Januari 2010. Ini mengambilkira beberapa elemen dan di antaranya ialah meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat melalui peningkatan taraf kehidupan bagi

² Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan aspirasi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang beribu Pejabat di Putrajaya untuk memenuhi sasaran keperluan asas rakyat Malaysia iaitu keperluan rumah dan kediaman. YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) Siri 3 berarikh 21 Ogos 2015 telah mengumumkan penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) bertujuan untuk memantau serta menambahbaik proses pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan PPR di seluruh negara.

³ Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)- *National Key Result Area* telah dilancarkan pada 20 Januari 2010 dengan berprinsipkan gabungan keutamaan jangka pendek untuk menangani keperluan rakyat. Terdapat enam (6) bidang utama yang menjadi fungsi dan tanggungjawab utama enam (6) Kementerian iaitu i) mengurangkan jenayah (kementerian Dalam Negeri), ii) membanteras rasuah (Jabatan Perdana Menteri), iii) mempertingkatkan pencapaian pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia), iv) mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah (*household*) berpendapatan rendah (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), v) mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar (Kementerian Luar Bandar dan Wilayah) dan vi) memperbaiki pengangkutan awam bandar (Kementerian Pengangkutan).

rakyat yang berpendapatan rendah. Bagi mengembalikan nilai taraf kehidupan tersebut, manusia itu sendiri perlu untuk mengenalpasti kualiti hidup mereka berada di tahap yang mana. Ekoran daripada itu, Siti Hadijah (2012) pula menyatakan bahawa pengukuran taraf kehidupan di Malaysia kebiasaannya tertumpu terhadap pendekatan satu (1) dimensi sahaja. Penumpuan ini adalah melihat kepada dimensi pendapatan ataupun dimensi perbelanjaan. Oleh yang demikian, pengukuran satu dimensi ini adalah kurang relevan untuk dijadikan sebagai petunjuk yang tepat dalam aspek kesejahteraan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang dapat menentukan keputusan tahap kesejahteraan secara holistik yang merangkumi pelbagai aspek.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pentafsiran konsep kesejahteraan amat luas dewasa ini. Kajian ini telah membawa satu penerokaan bagi membahaskan konsep kesejahteraan di kalangan komuniti PPR. Mengapakah komuniti PPR?. Menurut Saripah Osman (2018), komuniti PPR dianggap unik kerana komuniti ini menjalankan kehidupan seharian secara berkelompok dan berkongsi kemudahan yang sama yang disediakan oleh pihak Kerajaan berdasarkan taraf pendapatan dan kualiti kehidupan mereka sebelumnya serta menikmati insentif Kerajaan secara saksama. Majoriti penghuni di PPR adalah mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM 3,000.00 sebulan (Syarat Permohonan Atas Talian Portal Rasmi Jabatan Perumahan Negara) dan tidak mampu menyewa serta memiliki rumah sendiri (Dasar Pengurusan Perumahan Negara (2018-2025), 2020). Tujuan asal pembinaan PPR adalah bagi membantu rakyat yang berpendapatan rendah untuk mencapai taraf kehidupan

yang selesa kerana rumah merupakan salah satu keperluan asas hidup setiap manusia. Setiap negeri di Malaysia telah diberikan peruntukan untuk pembinaan PPR ini dan diletakkan di bawah fungsi dan tanggungjawab Bahagian Perumahan, Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing. Jadual 1.2 telah menunjukkan agihan pembinaan PPR mengikut Negeri. Kajian ini telah memilih Negeri Pulau Pinang untuk diteroka berkaitan konsep kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti PPR itu sendiri.

Sebelum diteruskan dengan maklumat latar belakang Negeri Pulau Pinang, beberapa pentafsiran yang telah mengaitkan konsep kesejahteraan ini untuk diterapkan dalam komuniti PPR. Menurut Roslan Mohamed & Siti Aishah (2008), perkara yang diberikan keutamaan adalah pencapaian kesejahteraan hidup yang merupakan satu perkara yang amat penting dan telah menjadi syarat utama dalam menjana suasana yang terarah kepada kebahagiaan dan keamanan dalam sebuah komuniti serta negara. Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses yang dinamik sama ada baik (sejahtera) atau sebaliknya (Wahab MAA, Norizan Abdul Ghani & Hafiah Yusof, 2018). Seterusnya, seseorang individu yang mencapai kesejahteraan biasanya akan bergantung kepada tahap kualiti hidup yang dialaminya. Kesejahteraan juga sering dikaitkan dengan semangat kejiwaan dan saling melengkapi apabila wujudnya elemen penyertaan komuniti dalam pelbagai aspek di PPR (Laporan Akhir Kajian Kesejahteraan PPR, 2020). Menurut Renwick (2006), seseorang yang berasa sejahtera juga apabila berlakunya proses keseronokan, kebahagiaan dan merasakan kehidupan amat memberi makna untuknya. Selain itu, mengikut *World Health Organization* (WHO) (2012), kesejahteraan dalam sesebuah kehidupan akan dinilai daripada sudut psikologi yang melibatkan aspek kognitif

dan efektif. Kedua-dua aspek ini adalah merujuk kepada suatu perasaan sama ada positif ataupun negatif mengenai kehidupan yang dilaluinya dengan memfokuskan kepada kepuasan dalam kehidupan antaranya ialah kualiti hidup, kepuasan emosi dan nikmat kebahagiaan yang dialaminya. Konsep kesejahteraan ini jugalah yang mendorong agar kajian ini terus untuk meneroka di kalangan komuniti PPR di Negeri Pulau Pinang.

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian utara Malaysia setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957 dan menjadi salah satu daripada 13 negeri di dalam Persekutuan Malaysia sewaktu penubuhannya pada tahun 1963. Keluasan Negeri Pulau Pinang adalah seluas 1, 046.3 km persegi yang merangkumi lima (5) daerah iaitu Daerah Timur Laut (119 km persegi), Daerah Barat Daya (173 km persegi), Daerah Seberang Perai Utara (263 km persegi), Daerah Seberang Perai Tengah (236 km persegi) dan Daerah Seberang Perai Selatan (241 km persegi). Bancian pada Tahun 2019 (Buku Data Asas Sosio-Ekonomi, 2019), jumlah penduduk Negeri Pulau Pinang adalah seramai 1, 787, 000 orang yang meliputi majoritinya Bangsa China, seterusnya bangsa Melayu dan India (Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 2019). Berikut adalah rujukan jumlah bilangan penduduk berdasarkan daerah-daerah di Negeri Pulau Pinang.


Jadual 1.1 Bilangan Penduduk Mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang (2018 dan 2019)

Daerah	Tahun 2018	Tahun 2019
Timur Laut	542, 400	548, 300
Barat Daya	274, 700	277, 700
Seberang Perai Utara	323, 800	326, 700
Seberang Perai Tengah	423, 600	428, 400
Seberang Perai Selatan	202, 700	205, 900
Jumlah Keseluruhan Penduduk Negeri Pulau Pinang	1, 767, 200	1, 787, 000

Sumber: Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2019)

Merujuk kepada Carta 1.1 juga, menunjukkan peratusan pembahagian penduduk mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang secara jelas bagi tahun 2019.

Carta 1.1 Bilangan Penduduk Mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang (2019)



Sumber: Laporan Tahunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2019)

Desakan terhadap kepadatan penduduk ini, Negeri Pulau Pinang begitu teliti dalam menelusuri Perancangan Pembangunan Perumahan terutamanya melalui Lembaga Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (LPPKN) dalam aspirasi pelancaran Penang 2030⁴ (Buku Panduan Pulau Pinang 2030, 2018) yang bertemakan “*A Family- Focused Green And Smart State That Inspires The Nation*” pada 9 Mei 2018. Salah satu intipati utama terhadap aspirasi ini adalah “*family focused*” (sistem kekeluargaan diberikan keutamaan) (Amran Hassan et. al, 2012). Betapa pentingnya sesebuah institusi kekeluargaan itu sehinggakan daripadanya juga dapat melahirkan insan yang bersahsiah dan langsungnya mensasarkan kesejahteraan masyarakat tersebut. Menurut Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Haji Othman (2016), peranan ibu bapa adalah pemangkin kepada pembentuk akidah untuk membentuk nilai akhlak yang mantap kepada anak-anak. Apabila baiknya akhlak, maka kuranglah kerosakan berlaku, dan akhirnya komuniti mencapai kesejahteraan yang mampan (Dzul Ashrai Abu Bakar & Hamzah Jusoh, 2017).

Secara khususnya, aspirasi Penang 2030 ini diterjemahkan melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang merupakan satu inisiatif pihak Kerajaan dalam menangani isu-isu sosial dan kemasyarakatan untuk penempatan semula setinggan di Malaysia. Menurut

⁴ Pulau Pinang 2030 merupakan pelan tindakan yang dimulakan kerajaan negeri Pulau Pinang sejak Ogos 2019, dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan daya huni, ekonomi, penyertaan awam dan pembangunan seimbang Pulau Pinang. Ia bagi membolehkan Pulau Pinang mencapai wawasan "negeri yang menumpukan kepada kekeluargaan, bersih dan hijau serta pintar yang memberi inspirasi kepada negara "Buku panduan ini turut memberi tumpuan kepada empat tema iaitu daya huni, ekonomi, memperkasa rakyat serta persekitaran infrastruktur, dan percaya bahawa tema berkenaan merangkumi keseluruhan spektrum pembangunan untuk mencapai wawasan dan kesejahteraan Pulau Pinang 2030.

Junaidi Awang Besar et al. (2018), PPR merupakan satu program pembangunan kediaman di kawasan bandar khususnya kepada golongan rakyat yang tidak mempunyai peluang memiliki kediaman sendiri malah untuk disewa bagi kelangsungan kehidupan mereka. Menurutnya lagi, program ini banyak memberi kelebihan dan faedah kepada rakyat dalam menikmati sasaran kehidupan yang sejahtera. Kesejahteraan pula merupakan komponen yang amat penting dewasa ini dan kediaman pula adalah satu keperluan asas dalam pembentukan sesebuah komuniti yang berhala tuju ke arah kesejahteraan komuniti (Dzul Ashrai Abu Bakar & Hamzah Jusoh, 2017).

Disamping itu, Dasar Perumahan Negara (DRN) diwujudkan di peringkat Pentadbiran Ibu Pejabat Putrajaya bagi menggariskan satu matlamat yang berorientasikan pembangunan dalam sektor perumahan dimana ianya secara langsung membentuk komuniti dan generasi mampan (JA Besar, R Fauzi & AS Ghazali, 2012). Merujuk kepada Dasar Perumahan Negara (DRN) yang telah dilancarkan pada 10 Februari 2011, ianya adalah bagi mewujudkan garisan halatuju dalam asas perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat persekutuan, negeri dan Kerajaan Tempatan. Matlamat DRN adalah untuk menyediakan rumah yang mencukupi, selesa, berkualiti bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Malaysia. Pada masa kini, kemudahan dan perkhidmatan asas yang sempurna amat penting untuk menghasilkan persekitaran yang kondusif. Dasar ini dirangka bagi memastikan supaya rakyat hidup dalam suasana perumahan yang berdaya huni (*livable*) (Mohd Yusri Ibrahim, 2017).

Menyedari keadaan sedemikian, pihak kerajaan dan agensi-agensi bukan kerajaan telah melaksanakan pelbagai perancangan dan program bagi memenuhi keperluan asas setiap manusia yang mana rumah dijadikan tempat perlindungan untuk memberikan ketenteraman dan keselesaan kepada penghuninya yang menetap. Kediaman juga diterima pakai sebagai sebuah hak asasi manusia. Justeru, bagi melestarikan dasar ini, pelbagai agensi pelaksana dilibatkan antaranya :-

- i) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR),
- ii) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT),
- iii) Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Mampu Milik (RMM),
- iv) Badan- badan Berkanun Persekutuan, Badan-badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Pemaju Perumahan Swasta.

Penyediaan perumahan tersebut adalah untuk memacu industri perumahan dan dengan secara langsungnya sebagai pemudahcara bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Malaysia secara holistik yang mengimbangi pembangunan ekonomi dan kemanusiaan (Noraniza Binti Yusoff, Azlizan Talib & Yusuf Pon, 2011). Maka, usaha pihak Kerajaan menampakkan kesan yang positif sejajar dengan matlamat asal Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menangani permasalahan rakyat terpinggir dan berpendapatan rendah demi sebuah kesejahteraan dalam komuniti sedia ada. Oleh yang

demikian, Jadual 1.2 adalah menunjukkan data perancangan dalam membina PPR di seluruh Malaysia. Perancangan ini adalah secara berperingkat berdasarkan prestasi Belanjawan melalui Rancangan Malaysia RMKe-10 (2010-2015) dan RMKe-11 (2016-2020). Aspirasi pembangunan ini adalah bagi memastikan pembangunan negara yang seimbang dan holistik. Pembangunan yang seimbang (antara fizikal dan insaniah) secara holistik amat penting agar pertumbuhan itu lestari. Hanya dengan pembangunan yang seimbang dan lestari kita dapat menjamin masa depan yang mampan dan sejahtera. Disamping pemacuan terhadap kualiti hidup yang konsisten dan penyertaan komuniti PPR sebagai elemen yang menyumbang kepada kesejahteraan seterusnya membawa kepada pembangunan komuniti yang efektif (Dasar Perumahan Negara, 2012)

Jadual 1.2 Jadual Senarai Projek PPR mengikut Negeri (2019)

SENARAI PROJEK PPR DAN STATUS PELAKSANAAN MENGIKUT NEGERI SEHINGGA JULAI 2019									
BIL	NEGERI	PROJEK SIAP		PROJEK DALAM PEMBINAAN		PROJEK DALAM PERANCANGAN		JUMLAH	
		BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	BIL. UNIT
PPR Disewa		83	72,439	1	1,000	0	0	84	73,439
1	PERLIS	3	1,428	0	0	0	0	3	1,428
2	KEDAH	2	1,894	0	0	0	0	2	1,894
3	PULAU PINANG	3	929	0	0	0	0	3	929
4	PERAK	7	915	0	0	0	0	7	915
5	SELANGOR	2	3,304	0	0	0	0	2	3,304
6	TERENGGANU	1	1,002	0	0	0	0	1	1,002
7	MELAKA	0	0	0	0	0	0	0	0
8	NEGERI SEMBILAN	1	420	0	0	0	0	1	420
9	JOHOR	8	8,278	0	0	0	0	8	8,278
10	SABAH	26	18,491	1	1,000	0	0	27	19,491
12	SARAWAK	5	3,016	0	0	0	0	5	3,016
13	WPKL	25	32,762	0	0	0	0	25	32,762
PPR Dimiliki		52	16,585	39	15,495	21	9,133	112	41,213
14	PAHANG	27	3,668	6	700	1	500	34	4,868
15	KELANTAN	3	2,150	4	1,268	2	550	9	3,968
16	SABAH	4	2,308	6	3,650	3	1,650	13	7,608
17	SARAWAK	3	1,124	2	651	2	961	7	2,736
18	WPKL	2	2,100	0	0	0	0	2	2,100
19	MELAKA	3	1,436	1	255	2	620	6	2,311
20	KEDAH	4	1,100	4	1,916	2	1,000	10	4,016
21	JOHOR	1	500	8	4,547	3	1,800	12	6,847
22	WP LABUAN	0	0	1	500	0	0	1	500
23	PERAK	1	99	1	260	0	0	2	359
24	PULAU PINANG	1	70	0	0	0	0	1	70
25	NEGERI SEMBILAN	1	150	2	200	2	652	5	1,002
26	PERLIS	0	0	0	0	2	650	2	650
27	SELANGOR	2	1,880	3	1,048	0	0	5	2,928
28	TERENGGANU	0	0	1	500	2	750	3	1,250
JUMLAH		135	89,024	40	16,495	21	9,133	196	114,652

Sumber: Senarai Projek PPR mengikut Negeri, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (2020)

Jadual 1.3 Bilangan Unit PPR Di Negeri Pulau Pinang

Daerah	Nama PPR	Bilangan Unit
Seberang Perai Utara	PPR Taman Bagan Jaya	384
Seberang Perai Utara	PPR Mak Mandin	125
Seberang Perai Tengah	PPR Perkampungan Tok Suboh	231
Timur Laut	PPR Taman Manggis	316
Jumlah keseluruhan Unit PPR Di Negeri Pulau Pinang		1,056

Sumber: Laporan Tahunan PSUKPP Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2020)

Seterusnya adalah penumpuan maklumat populasi lokasi kajian di PPR Taman Bagan Jaya, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. PPR ini dihuni oleh pelbagai bangsa.

Jadual 1.4 Jadual jumlah komuniti di PPR Taman Bagan Jaya, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Komuniti/ Bangsa	Jumlah
Melayu	228
China	83
India	48
Lain-lain	6
Kuarters (Pejabat Pengurusan Perumahan)	4
Rumah Unit Bencana	0
Unit Kosong	15
Jumlah keseluruhan Unit PPR Seberang Perai Utara	384

Sumber: Laporan Tahunan PSUKPP Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2020)

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Apabila meneliti latar belakang kajian, PPR merupakan satu program yang amat baik dalam menitik beratkan elemen kebajikan (*welfare*) dalam memberikan ketenteraman, keamanan dan keselesaan kepada penghuninya. Namun, wujudnya tiga (3) permasalahan apabila mengaitkan isu kesejahteraan pembangunan komuniti terhadap Program Perumahan Rakyat (PPR) di Daerah Seberang Perai Utara, Negeri Pulau Pinang.

Pertamanya, berdasarkan kepada perbincangan utama, isu kesejahteraan pembangunan komuniti dilihat terlalu subjektif untuk menentukan tahap pencapaian kesejahteraan tersebut (Mohd Shahaladdin Muda et al., 2006). Walhal, pelbagai usaha pihak kerajaan telahpun dilaksanakan bagi tujuan tersebut. Bagi menjayakan segala usaha di peringkat Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, perlunya perancangan yang sistematik mengenai kesejahteraan pembangunan komuniti itu sendiri. Dewasa ini pihak kerajaan telah menjalankan program-program pembangunan modal insan seperti menyediakan kelas-kelas kemahiran pembuatan kraftangan, program pertanian seperti Program Pertanian Dalam Bandar, program penjana pendapatan seperti Kelas Keusahawanan Atas Talian (*online business*), Program Khas Ekonomi (PKE) di bawah folio EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani, seperti memberikan geran modal untuk bidang pertanian, penternakan, perniagaan dan pembangunan kemahiran. Dalam masa yang sama, melalui PKE juga rakyat dapat dibantu dengan peruntukan bagi memenuhi keperluan asas yakni tempat tinggal melalui peruntukan pembaikan rumah dan bina rumah. Namun, sejauh manakah faktor penyertaan komuniti terhadap program-program

tersebut berkesan ke arah mencapai kesejahteraan dalam komuniti tersebut. Ini bagi mensasarkan ke arah memenuhi objektif bagi setiap program yang dianjurkan. Justeru, kajian ini adalah bagi melihat keberkesanan jangka pendek dan jangka panjang usaha kerajaan ini.

Kedua, permasalahan yang sering dikaitkan dengan PPR ini adalah isu moral dan sahsiah yang menjadi ketidakelesaian komuniti mencapai kesejahteraan (Awang Besar et al., 2014). Gejala tidak bermoral serta aktiviti yang tidak sihat boleh mendatangkan bahaya kepada penghuni PPR dan kawasan sekitarnya seperti berlakunya masalah kecurian, “*gangsterisme*”, “*vandalisme*”, isu pukul dan rompak, ponteng sekolah, budaya melepak di kalangan belia dan remaja, kesihatan dan kebersihan serta mengundang suasana bising. Apabila wujudnya keadaan dan suasana ini, ianya akan mengakibatkan persekitaran yang negatif dan tiada kesejahteraan. Faktor kualiti hidup yang melibatkan elemen-elemen seperti kemajuan diri, pengamalan gaya hidup sihat dan peningkatan taraf hidup amat berhubung dengan punca-punca permasalahan ini. Justeru kajian ini dapat mengenalpasti sejauh mana faktor-faktor tersebut menjadi penghalang kesejahteraan komuniti PPR. Lantas, ketiga-tiga permasalahan tersebut didapati masih belum dikenalpasti dan terjawab oleh pelbagai karya dan akan terus dibincangkan mengenai tahap kesejahteraan di kalangan komuniti PPR. Justeru, kajian ini adalah penting untuk diteroka.

Ketiga, kebiasaannya kebanyakan kajian yang dijalankan mengenai kesejahteraan hidup manusia akan mengambil pendekatan pembangunan konvensional

iaitu pembangunan ekonomi sebagai faktor dominan dalam penentuan kesejahteraan hidup sesebuah komuniti. Adakah, pembangunan ekonomi (pendapatan per kapita) yang merangkumi faktor pertumbuhan ekonomi atau pendapatan per kapita negara sahaja merupakan faktor komprehensif dalam menentukan kesejahteraan hidup sesebuah masyarakat? Bagaimana pula dengan faktor pembangunan manusia? Dewasa ini, banyak kajian telah memberi penekanan kepada pembangunan manusia iaitu kualiti hidup, nilai-nilai murni, kerja komuniti yang dirasakan lebih penting untuk memenuhi kesejahteraan hidup dalam komuniti (Mohd Syarifudin bin Abdullah et al., 2017). Justeru, kajian ini mencuba untuk mengenalpasti kesahihan faktor pembangunan komuniti sebagai asas pendekatan untuk mencapai isu-isu berkaitan kesejahteraan hidup komuniti. Bertitik tolak daripada hujah tersebut, kajian ini sewajarnya dilihat dari segi perspektif pembangunan manusia iaitu dari faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti dalam meningkatkan kesejahteraan sosial dan kerja komuniti agar kesejahteraan yang dinikmati oleh komuniti tersebut lebih komprehensif dan holistik (Shafii et al., 2009). Walau bagaimanapun, dua (2) pemboleh ubah ini pernah digunakan dalam kajian sebelumnya namun tiada lagi digunakan untuk menguji di dalam kajian komuniti PPR. Antara pemboleh ubah yang pernah diuji untuk kajian komuniti PPR adalah faktor pembangunan dan persekitaran serta tadbir urus (Mustaqim, 2012), faktor kebajikan, keselamatan dan keselesaan komuniti PPR (Mohd Nazli Omar, 2013) dan faktor fizikal bangunan PPR (Junaidi Awang Besar et al., 2018). Oleh itu, kajian ini akan diteruskan dengan dua (2) faktor ini untuk meneroka dapatan kajian ke atas PPR di Negeri Pulau Pinang.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Oleh yang demikian, perbincangan ini telah menimbulkan beberapa persoalan kajian. Terdapat dua (2) persoalan kajian utama yang ingin dikaji dalam kajian ini. Secara umumnya, persoalan kajian ini meliputi sejauh manakah signifikan kesejahteraan dapat dicapai dalam sesebuah komuniti. Langsung, kajian ini terus memberi hala tuju dengan mengenalpasti pengaruh dan keperluan kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti itu sendiri. Adakah menjadi satu kemestian bahawa kesejahteraan itu perlu? Sudah pastinya, kajian ini dilakukan dengan melihat perhubungan di antara faktor-faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti dengan kesejahteraan komuniti. Maka, persoalan-persoalan dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- i) Apakah hubungan di antara faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti terhadap kesejahteraan pembangunan komuniti di PPR?
- ii) Bagaimanakah faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti memberi kesan terhadap kesejahteraan pembangunan komuniti di PPR?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti. Kajian ini dilakukan dengan melihat perhubungan di antara faktor kualiti hidup dan penglibatan ahli komuniti dengan kesejahteraan pembangunan komuniti PPR. Oleh yang demikian, objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah untuk mengkaji hubungan yang signifikan di antara dua (2) faktor pemboleh ubah utama dan mengenalpasti kesan faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti terhadap kesejahteraan pembangunan komuniti di dalam komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Negeri Pulau Pinang. Justeru, objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah untuk:-

- i) Mengenal pasti hubungan di antara faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti terhadap kesejahteraan pembangunan komuniti di PPR.
- ii) Mengkaji kesan faktor kualiti hidup dan penyertaan komuniti terhadap kesejahteraan pembangunan komuniti di PPR.

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Kajian ini melibatkan lima (5) kata kunci utama. Kesemua lima (5) kata kunci ini adalah pemboleh ubah (*variables*) yang dipilih berdasarkan hubung kait dan kesesuaian dengan kajian yang dilakukan. Tujuan pemilihan kata kunci ini adalah bagi memudahkan

pemahaman secara langsung terhadap definisi operasional dalam kajian ini. Definisi operasional adalah huraian mengenai penjelasan batasan pembolehubah khusus yang hendak diukur dalam sesuatu kajian. Justeru itu, dalam kajian ini terdapat lima (5) kata kunci (pembolehubah) tersebut iaitu kesejahteraan komuniti, pembangunan komuniti, kualiti hidup, penyertaan komuniti dan Program Perumahan Rakyat (PPR), Definisi operasional yang dikaji dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

1.6.1 Kesejahteraan Komuniti

Menurut Haris bin Abd Wahab (2015), konsep kesejahteraan komuniti didefinisikan sebagai kesejahteraan yang sangat berkait langsung dengan kualiti hidup komuniti, kesejahteraan sosial dan penyertaan komuniti dalam membentuk sebuah pembangunan komuniti tersebut. Konsep kesejahteraan amat penting untuk dilestarikan berdasarkan acuan komuniti tersebut. Dalam sebuah komuniti, kesejahteraan sangat dititikberatkan dan diberikan penekanan. Ini kerana kebanyakan ahli komuniti lebih terbuka dalam membicarakan perihal hak dan peluang untuk merealisasikan potensi kehidupan sosial mereka. Kesejahteraan juga merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga dan komuniti. Ia merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Menurut Awang Besar et al. (2014), konsep kesejahteraan merupakan satu perancangan rapi serta pengaturan strategi untuk merubah sesebuah komuniti. Antara pendekatan yang berkaitan dengan kesejahteraan mencakupi aspek pengurusan masalah sosial, pemenuhan keperluan hidup dan penyediaan peluang mobiliti sosial dalam komuniti. Pemahaman terhadap ketiga-tiga elemen

kesejahteraan ini akan membantu pembuat dasar dan pelaksana program dalam melancarkan usaha meningkatkan kualiti hidup individu, keluarga dan komuniti.

Justeru, definisi yang dikemukakan oleh Haris Bin Abd Wahab (2015) akan digunakan dalam kajian ini kerana aspek kesejahteraan komuniti yang ditekankan berkaitan secara terus dengan kehendak kajian ini. Ini kerana kesejahteraan terhadap pembangunan komuniti terutamanya komuniti PPR adalah amat penting bagi menjamin kesejahteraan yang lestari.

1.6.2 Pembangunan Komuniti

Menurut Mohammad Shatar Sabran (2003), pembangunan komuniti didefinisikan sebagai satu proses kehidupan peradaban manusia dalam satu kelompok masyarakat bagi merealisasikan potensi diri dalam membina keyakinan dan kecekalan mereka. Pembangunan ini terserlah dalam potensi fizikal untuk penetapan hala tuju kehidupan ke arah sesuatu yang memberikan pengertian yang membebaskan komuniti dari dieksploitasi dan tidak yakin untuk membangun. Ia merupakan satu agenda dalam menggembeling dan menghindarkan mana-mana penindasan dalam politik, ekonomi dan juga sosial. Dalam konteks ini, pembangunan komuniti juga merupakan satu proses yang melibatkan unsur kebersamaan dalam menghadapi setiap permasalahan sehingga melalui fasa penyelesaian dan penglibatan aktif bagi setiap program yang disediakan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan (Zaheruddin & Yusof Pon, 2005). Justeru, pembangunan komuniti sebagai satu aktiviti bersama yang melibatkan penglibatan semua ahli komuniti dalam mengekalkan kelestarian pembangunan.

Sehubungan itu, dalam kajian ini huraian daripada Mohammad Shatar Sabran (2003) dianggap sinonim dan berketepatan dengan kajian kerana dalam mencorakkan pembangunan komuniti, ia mesti melalui suatu proses dan penyepaduan dalam mengukuhkan institusi komuniti itu sendiri.

1.6.3 Kualiti Hidup

Kualiti hidup merupakan satu keupayaan dinamik dalam mengeksploitasi potensi diri. Menurut Mohammad Shahrudin Samsurijan (2019), kualiti hidup adalah proses untuk memacu pencapaian matlamat dan menaiktaraf ke tahap yang lebih tinggi dengan penglibatan semua pihak termasuk individu, komuniti dan masyarakat secara holistik. Kualiti hidup juga penting untuk kelangsungan hidup dalam mencapai segala keperluan dan kehendak sebuah kehidupan. Sehubungan itu, perubahan ke arah yang lebih baik juga adalah merupakan kualiti hidup dalam sebuah sistem kehidupan. Kualiti hidup juga ditakrifkan sebagai peningkatan kemajuan diri, pengamalan gaya hidup yang sihat, pencapaian taraf kehidupan dan nikmat kebebasan untuk memperolehi pengetahuan dan kesejahteraan sosial. Nik Juliana Mariney & Fauza (2014) menjelaskan bahawa kehidupan hubungan sosial di kalangan komuniti perumahan PPR adalah lebih sistematik dan terancang dalam mencapai kesejahteraan kehidupan yang berkualiti. Keterangkuman aspek-aspek ini akan menjangkau keperluan asas dan tahap psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan misi dan visi negara. Apabila sesebuah masyarakat beralih kepada suasana kehidupan yang pada amnya lebih baik, maka kualiti hidupnya dianggap telah meningkat. Memahami kualiti hidup pada hari ini

adalah penting dalam menongkah arus yang rakus ke arah kemajuan dimana manusia itu sendiri perlu memiliki pendapatan, simpanan, pemilikan rumah, kenderaan, nikmat kesihatan dan pendidikan untuk mencapai persekitaran yang sejahtera di dalam komuniti.

Oleh yang demikian, kualiti hidup merujuk kepada tiga (3) komponen utama iaitu kemajuan diri, gaya hidup sihat dan peningkatan taraf kehidupan yang membawa kepada perubahan dalam masyarakat ke satu arah yang lebih baik, iaitu semakin memenuhi tahap berpuashati di kalangan masyarakat, bagi meneruskan kelangsungan untuk hidup selesa. Justeru, definisi yang dikemukakan oleh Mohamad Shaharudin Samsurijan (2019) adalah berhubung dengan aspek kesejahteraan komuniti yang ditekankan dalam kajian ini.

1.6.4 Penyertaan Komuniti

Penyertaan komuniti didefinisikan sebagai penglibatan secara aktif dan turut bersama dalam apa jua program pembangunan bagi mencapai kelestarian pembangunan komuniti (Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor, 2006). Terdapat dua (2) komponen utama dalam perbincangan kajian yang melibatkan penyertaan komuniti iaitu kesejahteraan sosial dan penglibatan dalam komuniti. Kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga dan komuniti manakala penglibatan dalam komuniti merupakan kaedah yang membawa kepada pembangunan atau perubahan positif dalam komuniti. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)⁵

⁵ Indek Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) merupakan laporan pertama yang diterbitkan untuk menilai tahap kesejahteraan rakyat bagi tempoh 2000-2012 sebagai penambahbaikan Indeks Kualiti Hidup (IKH) pada Tahun 1999. Aspek yang diukur adalah komunikasi, kebudayaan, pendidikan, alam sekitar, keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, pendapatan dan pengagihan, keselamatan awam, penyertaan sosial,